



SIARAN MEDIA

YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA AGIH RM55,792 BAGI TUJUAN JAM MASA STANDARD MALAYSIA WAKAF KEPADA DUA MASJID DI MELAKA

Melaka, 19 Februari 2025 – Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada hari telah menganjurkan Seminar Pembudayaan Wakaf dengan kerjasama Telekom Malaysia Berhad (TM) Melaka dan Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) sebagai usaha memupuk kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai wakaf dan perkembangannya di Malaysia.

Pada majlis yang sama, YWM telah menyerahkan sumbangan dana wakaf bernilai RM55,792 bagi tujuan pembelian dua (2) set jam masa standard Malaysia kepada kepada Masjid Al-Muttaqin atau Masjid Cina Negeri Melaka dan Masjid Al-Abrar, Kandang. Jam masa standard Malaysia ini amat signifikan dalam memastikan ketepatan waktu solat di masjid-masjid yang terlibat.

Penyampaian cek cura sumbangan dana wakaf telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia kepada Encik Syahizam Bin Mohamed Diah, Pemangku Yang Dipertua Badan Kebajikan Islam TM Melaka. Manakala gimik penyerahan jam telah disempurnakan oleh Encik Syahizam bin Mohamed Diah, Pemangku Yang Dipertua Badan Kebajikan Islam TM Melaka kepada Imam 2 Masjid Al Muttaqin atau Masjid Cina Negeri Melaka dan Encik Khairulnizam bin Anwar, Wakil Masjid Al - Abrar, Kandang.

Program ini turut diserikan dengan slot ceramah daripada Ustaz Ya'akub Yusra yang bertajuk 'Istimewanya Ramadan dengan Wakaf'.

Yayasan Waqaf Malaysia
19 Februari 2025

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my